

Bahagian A
[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.

1. Gambar 1 menunjukkan bentuk perniagaan yang terdapat di Malaysia.



a) (i) Jelaskan kelemahan perniagaan tersebut kepada Francaisi. [3 markah]

(ii) Jelaskan kelebihan perniagaan francais kepada francais. [3 markah]

b) Maklumat berikut berkaitan dengan suatu bentuk pemilikan perniagaan.

Nama Perniagaan	: Liang Furniture Tuaran Sdn Bhd
Alamat	: Jalan Tuaran, Berungis Tuaran Sabah
Jualan Tahun 2025	: RM 14 juta
Bilangan pekerja tetap	: 20
Aktiviti pasaran	: Pembuatan perabot untuk pasaran seluruh daerah Tuaran

Jelaskan saiz dan skala perniagaan Liang? [4 markah]

2. a) Situasi berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dari aspek ekonomi

Fenomena A	Fenomena B
Kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan	Kejatuhan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan

i) Nyatakan Fenomena A dan Fenomena B. [2 markah]

ii) Bagaimanakah kerajaan dapat mengatasi masalah Fenomena A [4 markah]

b) Jelaskan trend persekitaran perniagaan sesebuah negara yang mempunyai ekonomi sedang berkembang.

[4 markah]

3. a) Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif dalam aspek berikut:
(i) Sumber manusia.

[3 markah]

(ii) Teknologi

[3 markah]

b) Maklumat berikut berkaitan sebuah perniagaan.

Syarikat Hiasan Eksklusif Sendirian Berhad menyediakan perkhidmatan pereka hiasan dalaman di Kota Kinabalu, Sabah. Objektif syarikat ialah meningkatkan jualan sebanyak 30% dalam masa 3 bulan. Dengan merekrut lima orang lagi pekerja baharu, Puan Hasnah selaku Pengurus Pemasaran ditugaskan untuk melaksanakan promosi besar-besaran agar dapat meningkatkan jualan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Terangkan ciri-ciri objektif bagi perniagaan di atas.

[4 markah]

4. a) (i) Jelaskan konsep kebolehkerjaan?

[3 markah]

(ii) Jelaskan kemahiran kebolehkerjaan yang harus dimiliki oleh seseorang pekerja.

[4 markah]

b) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Syarikat YH Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang mengeluarkan pelbagai jenis produk seperti beg sekolah, blaus wanita, kasut sekolah, kasut sukan, dan air mineral

Jelaskan struktur organisasi yang sesuai bagi syarikat tersebut.

[3 markah]

5. Maklumat berikut menunjukkan satu keratan berita dalam talian.

BERITA

Kerajaan Negeri Sokong Usahawan Muda Majukan Industri Makanan Tradisional

Oleh Nurul Huda | 15 Mei 2024, 10:30 AM

SEREMBAN – Kerajaan Negeri menyambut baik inisiatif usahawan muda yang ingin memajukan industri makanan tradisional melalui penggunaan teknologi moden. Usahawan digesa memanfaatkan kemudahan infrastruktur dan tapak perniagaan yang disediakan oleh agensi negeri bagi meningkatkan produktiviti.

Sementara itu, sebuah syarikat pengeluar 'Pes Rendang Rembau' menyatakan komitmen untuk menembusi pasaran global dengan memperkukuh rantaian bekalan dan strategi promosi digital bagi memastikan produk mereka kekal kompetitif di peringkat antarabangsa.

Berdasarkan keratan berita di atas, jawab soalan berikut:

(a) Nyatakan dua peranan kerajaan negeri dalam membantu perkembangan perniagaan di Malaysia.

[2 markah]

(b) Bagaimanakah bahagian fungsian pembelian dapat meningkatkan kualiti bahan mentah untuk pengeluaran pes rendang tersebut lebih terjamin?

[4 markah]

(c) Bahagian fungsian pemasaran bercadang untuk menggunakan platform media sosial bagi tujuan pengiklanan. Analisis keberkesanan strategi tersebut dalam membantu syarikat mencapai matlamat untuk menembusi pasaran global.

[4 markah]

6. Baca petikan dan teliti jadual di bawah.

Syarikat Roti Sedap Enterprise merupakan sebuah perniagaan yang mengeluarkan pelbagai jenis roti untuk pasaran di sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Pemilik perniagaan sentiasa memastikan setiap kos pengeluaran direkodkan bagi memudahkan penyediaan penyata kewangan.

MAKLUMAT KOS PENGELUARAN BULANAN ROTI SEDAP ENTERPRISE	
PERKARA	MAKLUMAT
 Sewa premis kilang	 RM3,500 sebulan
 Gaji pengurus operasi	 RM4,800 sebulan
 Tepung gandum dan yis	 RM2.50 bagi setiap bungkus roti
 Plastik pembungkusan	 RM0.30 seunit

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut:

(a) Bezakan kos tetap dengan dua kos berubah yang ditanggung oleh Roti Sedap Enterprise.

[4 markah]

(b) Terangkan kepentingan penyata kewangan kepada pihak pengusaha dan pembekal berdasarkan situasi perniagaan tersebut.

[6 markah]

Bahagian B
[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

7. Encik Alif merupakan seorang usahawan muda yang mengendalikan perniagaan perkhidmatan penghantaran menggunakan jenama Cahaya Ekspres di kawasan Pantai Timur Sabah. Selepas dua tahun beroperasi, perniagaannya semakin berkembang apabila bilangan pelanggan dalam talian meningkat dengan ketara. Kejayaan tersebut mendorong Encik Alif merancang untuk membuka sebuah cawangan baharu di Sandakan serta menambah bilangan kenderaan penghantaran bagi memenuhi permintaan pelanggan.
- Bagi memastikan rancangan pengembangan tersebut berjalan lancar, Encik Alif sedang menyediakan rancangan perniagaan yang lengkap untuk dikemukakan kepada sebuah institusi kewangan bagi mendapatkan pembiayaan. Rancangan tersebut merangkumi objektif perniagaan, strategi pemasaran, anggaran kos, unjuran kewangan serta pelan operasi. Beliau percaya bahawa perancangan yang sistematik dapat membantu mengurangkan risiko kegagalan dan meningkatkan keyakinan pihak yang berkepentingan terhadap perniagaannya.
- Walaupun pernah menerima tawaran bekerja di sebuah syarikat logistik antarabangsa, Encik Alif memilih untuk terus mengembangkan perniagaannya sendiri kerana beliau yakin bidang keusahawanan mampu memberikan pulangan yang lebih baik, kebebasan membuat keputusan serta peluang mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.



BORANG MAKLUMBALAS PELANGGAN

Maklumbalas anda amat dihargai bagi membantu kami meningkatkan mutu perkhidmatan.

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PELANGGAN

Nama (Pilihan): _____ Tarikh: 15 Mei 2025

Jenis Perkhidmatan: ☐ Penghantaran Dokumen ☐ Penghantaran Bungkusan ☐ Lain-lain: _____

BAHAGIAN B: PENILAIAN PERKHIDMATAN (Sila tanda (✓) pada tahap yang sesuai)

ASPEK PERKHIDMATAN	Sangat Baik (5)	Baik (4)	Sederhana (3)	Kurang Baik (2)	Sangat Tidak Baik (1)
1. Ketepatan masa penghantaran				✓	
2. Keadaan bungkusan semasa diterima			✓		
3. Layanan dan sikap pekerja/kurier				✓	
4. Maklumat dan komunikasi			✓		
5. Kepuasan keseluruhan				✓	

BAHAGIAN C: KOMEN / CADANGAN

1. Penghantaran sering lewat berbanding tarikh yang dijanjikan.

2. Bungkusan rosak semasa diterima.

3. Kurier kurang mesra dengan pelanggan.

TERIMA KASIH KERANA MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN CAHAYA EKSPRESS

- a) Jelaskan kelebihan menyediakan rancangan perniagaan kepada Encik Alif sebelum membuka cawangan baharu. [4 markah]
- b) Anda bersetuju dengan keputusan Encik Alif untuk meneruskan perniagaannya sendiri walaupun menerima tawaran bekerja di sebuah syarikat logistik antarabangsa. Jelaskan alasan anda. [6 markah]
- c) Bagaimanakah bahagian fungsian jualan dapat meningkatkan operasi perniagaan? [5 markah]

8. Baca petikan berikut dengan teliti.

Global Tech Solutions merupakan sebuah syarikat penyedia perkhidmatan teknologi maklumat yang berpusat di Cyberjaya. Syarikat ini menawarkan penyelesaian digital dan pembangunan aplikasi mudah alih khusus untuk sektor perniagaan kecil dan sederhana di Malaysia.

Walaupun syarikat sedang berkembang, mereka menghadapi masalah pusing ganti pekerja yang tinggi kerana ramai tenaga pakar berpindah ke firma antarabangsa yang menawarkan ganjaran lebih menarik. Situasi ini telah menjejaskan produktiviti dan menyebabkan beberapa projek mengalami kelewatan. Sebagai langkah proaktif, syarikat telah merangka sistem penggajian yang lebih kompetitif dengan memperkenalkan pelbagai insentif seperti bonus prestasi dan bantuan pendidikan.

Bagi meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja, pihak pengurusan Global Tech Solutions turut merancang untuk melaksanakan sistem pengurusan projek berasaskan awan serta perisian pemantauan prestasi pekerja. Sebelum teknologi tersebut digunakan sepenuhnya, syarikat akan mengenal pasti keperluan sistem, membuat penilaian terhadap beberapa perisian yang sesuai, menjalankan latihan kepada semua pekerja dan memantau keberkesanan penggunaannya secara berkala bagi memastikan pelaburan teknologi memberi pulangan yang optimum.



- a) Bagaimanakah perniagaan ini dapat mengurus sumber teknologi sebelum sistem baharu digunakan sepenuhnya. [4 markah]
- b) Jelaskan kepentingan persekitaran kerja yang kondusif kepada perniagaan tersebut. [5 markah]
- c) Anda bersetuju pemberian insentif yang menarik dapat membantu Global Tech Solutions menangani masalah pusing ganti pekerja? Beri alasan anda. [6 markah]

9. Baca petikan berikut dengan teliti.

Kopi Jati Enterprise merupakan sebuah perniagaan milikan tunggal yang mengusahakan rangkaian kafe bertema tradisional di sekitar Johor Bahru. Perniagaan ini menyasarkan golongan belia dan keluarga sebagai pasaran sasaran dengan menawarkan pelbagai menu kopi tempatan yang unik. Dengan operasi yang sistematik, kafe ini telah berjaya membina imej yang baik dalam kalangan pelanggan tempatan, namun pemiliknya berhasrat untuk mengembangkan lagi skala perniagaan ke peringkat kebangsaan dengan mengubah bentuk milikan perniagaan kepada syarikat sendirian berhad.

Sejak akhir-akhir ini, Kopi Jati menghadapi cabaran dalam pemasaran digital kerana kurangnya kepakaran dalam menguruskan platform media sosial secara profesional. Selain itu, kos operasi syarikat meningkat disebabkan oleh kenaikan sewa premis dan bil utiliti, yang akhirnya menjejaskan nisbah keuntungan syarikat. Pemilik mendapati prestasi kewangan tahun semasa menunjukkan penurunan margin untung bersih berbanding tahun sebelumnya, yang memerlukan tindakan segera daripada pihak pengurusan.

Bagi mengatasi masalah ini, pemilik merancang untuk menggunakan aplikasi e-hailing bagi meluaskan jangkauan penghantaran produk terus ke rumah pelanggan. Strategi promosi "Beli 1 Percuma 1" akan dijalankan pada setiap hujung minggu untuk menarik lebih ramai pengunjung. Pemilik juga sedang mempertimbangkan untuk mendapatkan pembiayaan tambahan daripada agensi kerajaan bagi menaik taraf peralatan dapur dan membuka cawangan baharu di kawasan yang lebih strategik.



Berdasarkan maklumat di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- a) Jelaskan bagaimana penggunaan teknologi maklumat dan e-hailing dapat menyokong aktiviti pemasaran kafe tersebut. [5 markah]
- b) Berdasarkan infografik yang diberikan, tafsirkan prestasi kewangan Kopi Jati Enterprise bagi tahun 2026 berbanding tahun 2025. [6 markah]
- c) Sekiranya Kafe Jati Enterprise ingin mengubah bentuk milikan kepada Kafe Jati Sdn. Bhd., jelaskan prosedur pemerbadanan syarikat yang perlu dilalui di bawah Akta Syarikat 2016. [4 markah]

Bahagian C
[20 markah]
Soalan ini **wajib** dijawab.

10. Siti Soya Enterprise merupakan sebuah perniagaan memproses minuman soya segar yang terletak di Kota Marudu, Sabah. Perniagaan yang diusahakan oleh Puan Siti Aminah bermula dengan menggunakan modal simpanan sendiri sepenuhnya sejak tahun 2020. Soya yang dihasilkan telah menjadi pilihan utama pelanggan kerana bermutu tinggi.

Sebagai majikan kepada 5 orang pekerja, beliau sangat menitikberatkan kualiti susu soya bermula dari peringkat pemilihan kacang soya hingga soya siap diproses. Kini, susu soya segar beliau juga boleh didapati di pasar raya sekitar Kudat dan Kota Belud. Perkembangan perniagaan yang menggalakan, Puan Siti bersama suaminya, Encik Abdul bercadang menukar bentuk perniagaan kepada syarikat sendirian berhad. Puan Siti telah dilantik sebagai Pengurus Besar sementara suaminya Encik Abdul ialah Pengurus Pentadbiran. Perniagaan menambah pekerja mahir di bahagian pengurusan kewangan dan pemasaran.

Walaupun sudah lama beroperasi, Syarikat Siti Soya Sdn. Bhd. masih belum menggunakan mesin teknologi moden dalam pengurusan perniagaannya. Memandangkan permintaan susu soya segar semakin meningkat, beliau berpendapat kemudahan mesin teknologi baharu dan teknologi lain akan membantu operasi perniagaannya dan menghasilkan pelbagai jenis produk berasaskan soya segar.

Perniagaannya juga mengalami masalah kerosakan mesin pemerah kacang soya. Situasi ini memberi kesan negatif terhadap kuantiti pengeluaran susu soya setiap hari dan kos penyelenggaraan yang tinggi. Beliau telah membuat tinjauan sama ada untuk membeli mesin pemerah kacang soya atau hanya menyewa mesin daripada bank. Berikut merupakan maklumat hasil tinjauan tersebut.

 PUBLIC BANK SEWA BELI • Margin Pembiayaan Sewa Beli: Sehingga 90% daripada kos mesin atau peralatan • Tempoh maksimum sehingga sembilan (9) tahun (108 bulan) • Kadar faedah serendah 5.3%	 CIMB BANK PEMAJAKAN • Tempoh penggunaan selama setahun dan perbaharui tanpa caj. • Nikmati pembiayaan margin sehingga 100%. • Pembayaran yang mudah di seluruh cawangan CIMB Bank atau melalui perbankan dalam talian. • Bayaran fi yang minimum. • Fleksibel menetapkan kadar faedah yang tetap atau terapung dalam membuat bayaran bulanan.
---	--

Beliau bercadang untuk melantik anaknya, Rahul yang baru sahaja menamatkan pengajian dalam bidang pemasaran untuk membantu perniagaan Puan Siti menyediakan strategi pemasaran untuk memasarkan pelbagai produk berasaskan soya. Antara produk soya yang berjaya dihasilkan termasuklah taufu telur, taufufa, Yuba, minyak soya, kicap soya, tempe, meso dan Natto.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan yang berikut.

- a) Jelaskan kelebihan Puan Siti sebagai usahawan kepada masyarakat. [4 markah]
- b) Mengapakah Puan Siti menukar bentuk pemilikan perniagaan tersebut? [4 markah]
- c) Anda bersetuju bahawa penggunaan mesin baharu teknologi baharu penting kepada Syarikat Siti Soya Sdn. Bhd. Berikan alasan anda. [4 markah]
- d) Pada pandangan anda, manakah yang akan menjadi pilihan Puan Siti untuk mendapatkan sumber pembiayaan yang terlibat? Berikan alasan anda. [4 markah]
- e) Terangkan strategi pemasaran yang berkesan dilaksanakan oleh Rahul. [4 markah]

SOALAN 7

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

This image shows a full page of blank, lined paper. It features approximately 28 horizontal blue or grey lines spaced evenly apart, typical of notebook paper. The lines extend across the entire width of the page, leaving small margins at the top and bottom. There are no vertical lines, text, or other markings on the page.

SOALAN 8

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

This image shows a full page of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page, typical of notebook paper. There are no margins, text, or other markings on the page.



SOALAN 9

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

This image shows a full page of blank, lined paper. It features approximately 28 horizontal blue or grey lines spaced evenly apart, typical of notebook paper. The lines extend across the entire width of the page, leaving small margins at the top and bottom. There are no vertical lines, text, or other markings on the page.

SOALAN 10

This image shows a single page of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page, leaving small margins at the top and bottom. There is no handwriting or other markings on the paper.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.